

# 'Pihak ketiga mungkin pengaruhi Dr Mahathir'

Pemuda Umno yakin bekas PM terus persoal kerajaan, parti

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

**P**UTRAJAYA: Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein tidak menolak kemungkinan sesetengah ahli perniagaan yang tidak lagi mendapat sebarang habuan, mempengaruhi Tun Dr Mahathir Mohamad supaya mengkritik pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, golongan terabit yang mungkin mendapat pelbagai projek ketika era Dr Mahathir, berusaha melakukan sesuatu dengan menggunakan bekas Perdana Menteri itu untuk menegur kepemimpinan sekarang.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, kritikan keras Dr Mahathir turut menyebabkan pihak lain menanggung di air keruh bagi menggambar-gemburkan lagi keadaan.

Sehubungan itu, Hishammuddin berkata, Kabinet akan terus memberi penjelasan supaya rakyat tidak terkeliru atau terpedaya serta meng-

anggap kerajaan tidak mampu menjawab setiap isu yang dibangkitkan Dr Mahathir.

Beliau juga percaya Dr Mahathir akan terus membuat kenyataan dan mempersoalkan beberapa perkara termasuk membabitkan kepemimpinan kerajaan dan parti.

"Semua orang kenal Tun yang konsisten dengan pendiriannya. Persoalannya sekarang adakah penjelasan yang diberikan kerajaan ini memuaskan Tun?" katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet kementeriannya di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, Pemuda Umno terkilan dengan tindakan Dr Mahathir menghadiri majlis bersama parti pembangkang dalam dialog isu semasa di ibu negara, Sabtu lalu.

Katanya, beliau dan ahli Umno sukar menerima kenyataan bekas Perdana Menteri itu bersama-sama pembangkang yang sebelum ini pernah memaki-hamun Dr Mahathir.

Beliau berkata, serangan bertubi-tubi Dr Mahathir terhadap kepimpinan Abdullah juga mengecewakan Pemuda dan ahli Umno keseluruhannya.

"Keputusan Kabinet dibuat secara kolektif dan serangan kepada Per-

**“Bagi saya, penjelasan kerajaan tidak dapat memenuhi kehendak Tun kerana selepas ini banyak lagi perkara lain yang dibangkitkan”**

Hishammuddin Hussein  
Ketua Pemuda Umno

dana Menteri saja tidak adil. Keputusan kita adalah keputusan bersama. Yang akan mengadili kita ialah rakyat. Mereka yang akan menentukan kedudukan kita ketika pilihan raya nanti.

"Dalam pilihan raya, rakyat akan menilai sama ada apa yang dilakukan ini untuk kebaikan ramai. Akhirnya, kebenaran terserlah," katanya.

Hishammuddin juga menjelaskan beliau meminta Naib Ketua Pemuda, Khairy Jamaluddin tidak menjawab persoalan yang dibangkitkan Dr Mahathir atau isu peribadi bagi menenangkan suasana. Beliau tentu menggambar-gemburkan keadaan hingga mengelirukan orang ramai.

Beliau berkata, Pemuda Umno mesti rasional dan menjawab persoalan dengan fakta, bukannya berasaskan emosi.

"Pemuda mesti bertindak secara matang dan rasional kerana kepentingan parti dan negara mesti diutamakan," katanya.

BH- 30/6/2006